



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-212923
Bil. : KEW100-28/9 Klt. 2 (87)
Tarikh : 30 Mac 2011

Pengarah
Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 5, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU.



Tuan,

Dasar-Dasar Utama Kementerian Kewangan

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat tuan JKM/BKD.600-2 Klt. 3(105) bertarikh 29 November 2010 mengenai perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Dasar-Dasar Utama Kementerian ini untuk perhatian dan tindakan tuan. Kementerian ini akan memaklumkan tuan sebaik-baik sahaja semakan ke atas dasar-dasar tersebut selesai dibuat.


Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH '


(SUHAILI BIN RIMAN)
b.p. Setiausaha Tetap

SR/mj

Diterima Oleh	Kling
Pada	04 APR 2011
Jam	10:25 am



DASAR UTAMA KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

PENDAHULUAN:

Dasar Utama Kementerian Kewangan ialah “**Mendokong Pengurusan Kewangan yang Berhemat, Telus dan Dengan Akauntabiliti**”. Kementerian Kewangan komited kepada perbelanjaan awam yang berhemat iaitu pembaziran sifar dan pengagihan kekayaan negara secara saksama demi kepuasan awam. Kementerian ini akan bertanggungjawab dan telus dalam mengutip hasil serta membuat perbelanjaan yang saksama untuk orang awam menerusi Kementerian, Jabatan dan juga Badan-Badan bukan Kerajaan (NGO) dan secara langsung. Dasar ini didokong menerusi Surat-surat Pekeliling sebagai mekanisma melaksanakan pengurusan kewangan berhemat, telus dan dengan akauntabiliti.

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 Profail Kementerian Kewangan Negeri

Kementerian Kewangan Negeri (KKN) telah diwujudkan pada tahun 1964 dan merupakan sebuah organisasi yang menjadi teras kepada pentadbiran dan pengurusan sumber kewangan negeri. KKN adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan anggaran hasil tahunan dan pengawalan perbelanjaan awam negeri. KKN juga berperanan dalam merancang kewangan dan pelaburan negeri disamping menjadi nadi penggerak terhadap jentera pentadbiran ke arah perkembangan ekonomi dan sosial selaras dengan dasar perancangan pembangunan negeri.

Kementerian Kewangan Negeri juga menjadi pusat penyelarasan terhadap aliran peruntukan kewangan persekutuan dan bantuan luar negeri untuk pembangunan ekonomi negeri. Demi memantapkan

pengurusan kewangan dan perakaunan, KKN bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk memastikan pematuhan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Arahan Perbendaharaan dan perkara-perkara berkaitan yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan.

1.2 Visi, Misi dan Objektif

(a) Visi

Menjadikan Kementerian Kewangan Negeri Model Pengurusan Kewangan berprestasi tinggi dan terunggul di Malaysia.

(b) Misi

Memastikan perancangan dan pengurusan kewangan yang berkualiti dan pengagihan saksama sumber kewangan negeri.

(c) Objektif

- i. Memastikan sumber hasil negeri yang kukuh
- ii. Memastikan sumber wang awam diurus dengan penuh berhemat dan produktif
- iii. Memastikan pengurusan perolehan yang telus dan kawalan harta awam yang berkesan
- iv. Memastikan pematuhan dan pemantapan kepada sistem dan

prosedur kewangan yang berkuatkuasa

- v. Menjadikan KKN sebagai pusat rujukan dan khidmat nasihat dalam bidang kewangan
- vi. Memudahkan perjalanan jentera pentadbiran kerajaan negeri
- vii. Memastikan program pembangunan sumber manusia yang relevan di kalangan anggota KKN
- viii. Memastikan pelaburan negeri mendapat pulangan optimum
- ix. Memastikan pengurusan agensi awam mendokong 'corporate governance' dan berdaya saing
- x. Mengurus kemudahan-kemudahan pinjaman dan lain-lain bagi kepentingan anggota perkhidmatan awam dengan cekap dan berkesan.

1.2 Fungsi Utama

Fungsi utama KKN adalah seperti berikut:

- (a) Pengurusan Belanjawan
- (b) Pengurusan Kewangan dan Ekonomi
- (c) Pemantauan Agensi dan Pelaburan
- (d) Pengurusan Perolehan dan Harta Awam
- (e) Pengauditan Dalaman

(f) Pentadbiran dan Pengurusan Akaun

2. **SURAT-SURAT PEKELILING YANG DIKELUARKAN SEBAGAI SOKONGAN DALAM MENGURUS PERBELANJAAN AWAM SECARA EFEKTIF DAN CEKAP. DIANTARA PEKELILING ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

2.1 **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 2/2005
Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeeri.**

Selaras dengan usaha ke arah mendokong dasar perbelanjaan berhemat kerajaan, Pekeliling ini dikeluarkan bermaksud untuk mewujudkan pendekatan serta peraturan-peraturan baru ke atas pengurusan kenderaan kerajaan, dan seterusnya mengemaskini peraturan-peraturan yang sedia ada yang terkandung dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Bil.2/1989.

2.2 **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.3/2005 – Garis Panduan dan Tatacara Pengeluaran Lesen Berniaga.**

Tujuan pekeling ini adalah untuk menyeragamkan sistem dan tatacara berhubung dengan Pengeluaran Lesen Berniaga yang akan diterimapakai oleh semua Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran.

2.3 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 1 Tahun 2007 - Peruntukan Kuasa Pelupusan dan Hapus Aset Kerajaan.

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan kepada peruntukan Undang-Undang Pelupusan dan Hapus Aset dan Barang Kerajaan;

2.4 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.2 Tahun 1997 Pindaan Perolehan Perkhidmatan Juruperunding.

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan ke atas tatacara perolehan perkhidmatan perundingan dalam melaksanakan projek-projek yang khusus dibiayai oleh Kumpulan Wang Kerajaan Negeri;

2.5 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri bil.3/2007, Peraturan-peraturan Am Perolehan Kerajaan.

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menerangkan akauntabiliti dan tanggungjawab Pegawai-Pegawai Pengawal dalam Pengurusan Perolehan Kerajaan dan juga bagi menyokong Dasar Perbelanjaan Berhemat Kerajaan melalui sistem penyampaian yang berkesan.

2.6 Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 6/2007 – Pembayaran Dipertanggungjawabkan Kepada Akaun Kena Bayar.

Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan tindakan sewajarnya yang perlu diambil untuk mengelakkan bayaran yang lewat dan mengurangkan Akaun Kena Bayar.

**2.7 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.1/2008
Tatacara Perolehan Melalui Sebutharga.**

Tujuan Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menerangkan tatacara yang terlibat dalam menguruskan perolehan melalui sebutharga bagi meningkatkan amalan berjimat cermat yang dituntut di bawah Program Pengurusan Kualiti Kewangan.

**2.8 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.3/2008 –
Penyelenggaraan Kenderaan Kerajaan Negeri.**

Pekeliling ini memberikan tanggungjawab kepada Jabatan Kerja Raya sebagai *One Stop Agency* untuk menyelenggara semua kenderaan Kerajaan Negeri tanpa perlu lagi menghantar ke Bengkel swasta kecuali kenderaan yang mengalami kerosakan besar. Ianya juga bertujuan untuk menggunakan secara optima tenaga kerja dan Bengkel Jabatan Kerja Raya yang sedia ada. Ini adalah bertujuan menjimatkan kos penyelenggaraan kenderaan kerajaan selain memastikan kualiti penyelenggaraan yang baik menurut piawaian Jabatan Kerja Raya.

**2.9 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.5/2008
Kuasa Menandatangani Surat-Surat Kelulusan Yang
Dikeluarkan Oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.**

Pekeliling ini memaklumkan bahawa hanya Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah sahaja yang boleh menandatangani surat-surat kelulusan terutamanya yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:-

- a) Pengecualian daripada tatacara tender bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan;
- b) Pengecualian daripada tatacara sebutharga bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan;
- c) Pembelian kenderaan rasmi kerajaan yang baharu;
- d) Pembelian kenderaan kerajaan yang tidak ekonomi untuk digunakan lagi.

**2.10 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil.6/2008
Peraturan dan Had Harga Maksima Perabot/Kelengkapan
Pejabat Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.**

Pekeliling ini menetapkan peraturan dan harga maksima bagi membekal perabot dan kelengkapan pejabat Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Ianya untuk mendapatkan harga yang berpatutan dan menjamin kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

PENUTUP

Surat-surat Pekeliling atau aktiviti-aktiviti ini adalah sebagai garis panduan yang mendokong dasar utama Kementerian Kewangan. Di samping itu, urusan penambahbaikan melalui pencegahan, pembetulan, dan penganalisan ke atas penghasilan dan seterusnya penyampaian perkhidmatan akan sentiasa dipastikan peningkatan kualiti sejajar dengan usaha yang berterusan.

Sehubungan itu juga, surat-surat pekeling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa adalah "**Mendokong Pengurusan Kewangan yang Berhemat, Telus dan Dengan Akauntabiliti**".